

# PATRIOT



BULETIN KEMENTERIAN PERTAHANAN

ISSN No. : 1511-1849 Bil 2/2010

PERCUMA



*Apresiasi dan*

**KEMERDEKAAN**



## SIDANG REDAKSI

### PENAUNG

Y.Bhg Datuk Dr. Haji Ismail bin Haji Ahmad  
*Ketua Setiausaha*  
Kementerian Pertahanan Malaysia

### PENASIHAT

Y.Bhg Dato' Haji Ismail bin Ibrahim  
*Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)*  
Kementerian Pertahanan Malaysia

### KETUA PENGARANG

Pauzan Ab. Majid

### EDITOR

Nazrie bin Saini

### WARTAWAN

Mej Zahrullail bin Hidayat  
Mej Abd Rais bin Esa  
Mej Setia Perwira bin Mohd Wazir  
Lt Kdr Rahimah bt Taib TLDM  
Mej Marina binti Haron TUDM

### FOTO

PWII Mohd Shukri bin Malek  
Sjn U Irwan bin Alias  
Megat Mohd Firdaus bin Megat Ahmad  
Kpl Shahrulhezar bin Azizan  
LK STN (S) Roselly bin Alli  
Pbt Mohd Nazari bin Ramli  
Pbt Syarianah binti Abdul Karim

### TERBITAN DAN EDARAN

Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Pertahanan Malaysia

# DARI MEJA PENGARANG



Walaupun perlantikan Mantan Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Dato' Sri Abu Bakar bin Haji Abdullah sebagai Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam yang baru pada 1 Julai 2010 diterima dengan penuh rasa kesyukuran dan kegembiraan oleh seluruh warga MinDef, namun perpindahan beliau ke tempat baru tetap dirasai kesedihannya oleh semua. Bagaimanapun, kehadiran pengganti beliau, Setiausaha Bahagian Dasar, Kementerian Pertahanan, Datuk Dr. Hj. Ismail bin Hj. Ahmad sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan yang baru tetap dialu-alukan bagi meneruskan serta menambahkan perancangan dan pelaksanaan sedia ada, terutamanya dalam menjayakan Program Transformasi MinDef yang dilancarkan oleh Y.B Menteri Pertahanan pada 3 Jun 2010 lalu.

Justeru itu, 'Patriot' menerusi keluaran 'Apresiasi dan Kemerdekaan' kali ini merakamkan sekalung tahniah dan jutaan terima kasih kepada Dato' Sri Abu Bakar sepanjang beliau berkhidmat di Kementerian Pertahanan.

Selain itu, apresiasi juga ditujukan kepada para pahlawan kita yang gugur semasa menabur bakti mempertahankan agama, bangsa dan negara menerusi sambutan Hari Pahlawan yang disambut pada 31 Julai setiap tahun. Sesungguhnya pengorbanan mereka itu telah membolehkan kita hidup dengan aman sehingga dapat sekali lagi menyambut ulang tahun kemerdekaan negara ke-53 pada 31 Ogos lalu yang disambut buat pertama kali di Stadium Putra Bukit Jalil bagi menghormati bulan Ramadan, disamping mewujudkan semangat kebersamaan.

Malah, sambutan Hari Pahlawan peringkat kebangsaan tahun ini buat kali pertama tidak disambut di Tugu Negara sebaliknya diadakan di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur, disamping ketiadaan upacara mengalungkan bunga di tugu peringatan yang menjadi acara tetap sebelum ini, selaras dengan nasihat Majlis Fatwa Kebangsaan.

Namun begitu, walau dimana dan bagaimana sambutannya, yang penting ialah semangat patriotik yang perlu disemat dan ditanamkan dikalangan rakyat Malaysia dan seterusnya kepada generasi akan datang.

Biodata Mantan KSU	4
Majlis Pelancaran Rayuan Hari Pahlawan 2010	9
Wawancara Khas RHP 2010	10
Penyampaian Cek Kepada Tabung Rayuan Hari Pahlawan 2010	11
KD Tun Razak	12
TUDM berusia 52 Tahun	14
Istiadat Pentauliah Di Raja Pegawai Kadet PALAPES IPTA ke-29	15
Kenangan Bersama Mantan Ketua Setiausaha Dato' Sri Abu Bakar bin Haji Abdullah	16



**ISTIADAT MENGARAK PANJI-PANJI  
SERI PADUKA BAGINDA YANG  
DI-PERTUAN AGONG**

**7**

# KANDUNGAN

02/2010



**Hari Pahlawan  
2010**



**A.P.C.**  
Membudayakan Kualiti Kerja  
Yang Cemerlang 18

Dimana Ada Kemahuan,  
Di situ Ada Jalan 19

Majlis Penyampaian Sumbangan  
Hari Raya Aidilfitri tahun 1431 H/2010 M  
oleh Para Penderma kepada ATM 20

**TAPPN**  
Nilai Tanpa Sempadan 22

**E.P.I.K**  
Bukti MinDef Dekat Dengan Masyarakat 23

Seminar Semai Bakti Siri 1/10 24

**PALAPES**  
"Dinamik dan Berdedikasi" 25

Sesi Rangkaian Kerjasama  
Bersama Agensi Media 26

Reunion Intake-42 Berpecah Tiada 28

**MERDEKA MERDEKA MERDEKA!** 29



**Pelancaran Wakaf Al-Quran  
Peringkat Kebangsaan**

**21**

## **BIODATA MANTAN KSU**



### Nama

DATO'SRI ABU BAKAR BIN HAJI ABDULLAH  
SSAP, SIMP, DSDK, DIMP, KMN, AMN

### Tarikh Lahir

16 FEBRUARI 1955

### Tempat Lahir

YAN, KEDAH

### Kelulusan Akademik

B.A (HONS) UNIVERSITI MALAYA  
M.A.(HONS) UNIVERSITI OF DENVER,  
COLORADO, USA

### Maklumat Perkhidmatan

Mac 2001 : Setiausaha Bahagian  
Hingga Bahagian Kemajuan Wilayah  
April 2004 Persekutuan dan Perancangan  
Lembah Kelang  
Jabatan Perdana Menteri

16 April 2004 : Timbalan Ketua Setiausaha  
Kementerian Wilayah Persekutuan

1 Sept 2005 : Timbalan Ketua Setiausaha  
Jabatan Perdana Menteri

1 Julai 2006 : Timbalan Ketua Setiausaha  
(Pembangunan)  
Kementerian Pertahanan

13 Mac 2006 : Timbalan Ketua Setiausaha  
(Pengurusan)  
Kementerian Pertahanan

16 Julai 2007 : Ketua Setiausaha  
Kementerian Pertahanan

1 Julai 2010 : Ketua Pengarah  
Perkhidmatan Awam

Tanggal 1 Julai 2010 bermulanya satu era baru bagi Dato' Sri Abu Bakar bin Haji Abdullah, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan apabila memulakan tugas baru sebagai Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, menggantikan Tan Sri Ismail Adam yang menamatkan perkhidmatan pada 30 Jun 2010.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Sidek Hassan menerusi satu kenyataan media pada 15 Jun 2010 berkata pemilihan Dato' Sri Abu Bakar itu dibuat berdasarkan pengalaman, kepakaran dan kewibawaannya bagi meningkatkan prestasi perkhidmatan awam melalui pelbagai pembaharuan dan pendekatan.

## **DATO' SRI ABU BAKAR BIN HAJI ABDULLAH**

### **MANTAN KETUA SETIAUSAHA, KEMENTERIAN PERTAHANAN**

Tan Sri Sidek juga yakin Dato' Sri Abu Bakar berkemampuan memimpin Jabatan Perkhidmatan Awam, khususnya untuk merealisasikan matlamat Teras Strategik keempat Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) iaitu membangun dan mengekalkan modal insan bertaraf dunia.

Turut menyambut baik perlantikan Dato' Sri Abu Bakar sebagai Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam yang baru ialah Kongres Kesatuan Pekerja di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) yang menyifatkan perlantikan itu sebagai paling sesuai.

Dato' Sri Abu Bakar yang berkelulusan Ijazah Sarjana dalam bidang Pengajian Antarabangsa daripada Universiti Denver, Amerika Syarikat dan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Sejarah daripada Universiti Malaya mula berkhidmat pada 19 September 1977 di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Beliau sebelum ini pernah menjawat sebagai Timbalan Ketua Setiausaha di Kementerian Wilayah Persekutuan, Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Pertahanan pada 2006 sebelum dinaikkan pangkat sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan pada 2007.

Pada 3 Jun 2010, Kementerian Pertahanan melancarkan Hari Transformasi MinDef dalam menterjemahkan model Lapan Tonggak Perdana (LTP) kepada pelaksanaan Pelan Transformasi MinDef (PnTM), di mana Dato' Sri Abu Bakar adalah Pengerusi Jawatankuasa Induk Program Transformasi MinDef (PnTM).

PnTM di bawah Dato' Sri Abu Bakar telah berjaya menubuhkan sebanyak 85

Kumpulan Inovasi dan Kreativiti (KIK) yang akan bertanggungjawab untuk menzahirkan seberapa banyak idea inovatif dan kreatif yang kemudiannya disalurkan untuk dilaksanakan oleh MinDef menerusi keahlian kumpulan daripada pelbagai peringkat serta campuran antara kakitangan awam dan anggota tentera. Ini adalah bagi memastikan idea yang dizahirkan oleh mereka adalah pelbagai, praktikal serta efektif. Penubuhan KIK itu juga merupakan sebahagian *Quick Wins* (langkah segera) bagi menghasilkan lonjakan berganda memandangkan tempoh masa bagi Wawasan 2020 sudah semakin hampir.

MinDef dibawah pimpinan Dato' Sri juga telah dapat menzahirkan Pelan Strategik MinDef untuk tempoh 2008 hingga 2010 hasil daripada kerjasama yang lebih rapat diantara MinDef dengan MAMPU.

Syabas diucapkan kepada Dato' Sri Abu Bakar dan semoga berjaya memacu perkhidmatan awam kita ke peringkat yang lebih tinggi lagi kearah memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat selaras dengan aspirasi 1Malaysia 'Rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan'.

Sebagai menghargai segala jasa dan sumbangan beliau sepanjang berkhidmat di Kementerian Pertahanan, satu majlis makan malam telah diadakan di Hotel Royale Chulan KL yang turut dihadiri oleh Menteri Pertahanan dan Panglima Angkatan Tentera.

Sebelum itu, diadakan Majlis Perhimpunan Perpisahan KSU bersama Pegawai dan kakitangan Awam Kementerian Pertahanan di padang kawad dan diakhiri dengan Majlis Serah Tugas.



**DATUK DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI AHMAD**  
Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan

Tempat Dato' Sri Abu Bakar diambil alih oleh Datuk Dr. Haji Ismail bin Haji Ahmad sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan yang baru. Walaubagaimanapun, beliau bukanlah orang baru di MinDef, kerana sebelum ini menyandang jawatan sebagai Setiausaha Bahagian Dasar Kementerian Pertahanan sejak tahun 2002. Antara jawatan yang pernah disandang beliau ialah sebagai Penolong Setiausaha di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Pengarah Jabatan Imigresen Pahang dan Ketua Penolong Setiausaha di Majlis Keselamatan Negara.

Beliau juga dianugerahkan Pingat 'Panglima Gemilang Darjah Kinabalu' yang membawa gelaran Datuk sempena hari jadi TYT Sabah pada 2 Oktober lalu. Datuk Dr. Haji Ismail juga telah dianugerahkan tauliah pangkat Brigadier Jeneral Kehormat bagi mengisi jawatan selaku Pengerusi Tetap kepada Sidang Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa Pendukung (SPJP) Angkatan Sukarela Se-Malaysia berkuatkuasa 12 Ogos 2010. Anugerah telah dsampaikan oleh Menteri Pertahanan bersempena dengan Perhimpunan Bulanan Kementerian Pertahanan pada 7 Oktober 2010.

Ketika berucap di Majlis Perjumpaan bersama pegawai-pegawai awam Kementerian Pertahanan Gred 52 - 41 pada 1 September 2010, Datuk Dr Haji Ismail menekankan mengenai aspek Dasar Pertahanan Negara yang perlu difahami oleh setiap pegawai Kementerian. Beliau juga mahu semua pegawai menilai kembali peranan masing-masing dan bersedia menambah ilmu pengetahuan bagi meningkatkan prestasi kerja agar sentiasa relevan.

Selain perlu terus kreatif, inovatif, aspek-aspek kejujuran, ketelusan dan amanah juga perlu ditonjolkan. Beliau juga menekankan mengenai pentingnya bekerja secara berpasukan dan mengadakan jaringan kerjasama.



**“PERTAHANAN NEGARA,  
TANGGUNGJAWAB  
BERSAMA”**

(KENYATAAN MISI PERKHIDMATAN  
PELANGGAN MINDEF)

Artikel : Sazni Nalini bte Ahmad Suwadi (Pelatih UTM)  
Foto : Megat Mohd Firdaus bin Megat Ahmad

Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin dan Raja Pemaísuri Agong, Tuanku Nur Zahirah telah berangkat ke Istiadat Mengarak Panji-panji Seri Paduka Yang Di-Pertuan Agong sempena hari Keputeraan Baginda pada 5 Jun lalu yang berlangsung di Dataran Merdeka.

Istiadat yang penuh tradisi ketenteraan itu adalah sebagai menyembah Ikrar taat setia Angkatan Tentera Malaysia (ATM) kepada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong sebagai Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera Malaysia.

Keberangkatan tiba Tuanku Mizan dan Raja Pemaísuri Agong, Tuanku Nur Zahirah pada jam 8.00 pagi telah di sambut dengan lagu "Negaraku" serta Tembakan Meriam Kehormatan sebanyak 21 das dan diikuti oleh Terbang Lintas Hormat oleh lima buah pesawat helikopter Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang membawa bendera Malaysia, ATM, Tentera Darat (TDM), Tentera Laut (TLDM) dan Tentera Udara (TUDM).

Turut menyambut ketibaan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dan Raja Pemaísuri Agong pada pagi itu adalah Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor, dan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan isteri Puan Sri Noorainee Abdul Rahman.

Kemudiannya Seri Paduka membuat pemeriksaan perbarisan yang terdiri daripada 23 pegawai dan 505 Anggota Tentera Malaysia dengan diiringi oleh Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Azizan Arifin TUDM. Selepas penyempurnaan perbarisan, Pancaragam Pusat ATM membuka medan dan serentak Istiadat Mengarak Panji-panji disempurnakan dengan penuh istiadat ketenteraan.

Sebanyak lima panji-panji yang telah dianugerahkan oleh Seri Paduka Baginda iaitu kepada Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD), Rejimen Renjer Diraja (RRD), Kor Amor Diraja (KAD), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Pada penghujung Istiadat Mengarak Panji-panji tersebut, Perbarisan Mara Menghadap melaungkan "Daulat Tuanku" sebanyak tiga kali dan di ikuti dengan bacaan doa. Tuanku Mizan sekali lagi memberi tabik hormat, diikuti dengan Terbang Lintas Hormat oleh kelima-lima pesawat ATM di ruang udara Dataran Merdeka tersebut sebagai mengakhiri Istiadat pada pagi itu.

# *Istiadat*

## **MENGARAK PANJI-PANJI**

### **SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**



# HARI PAHLAWAN 2010

*Pahlawan*

*Merengkok nadi dan senduloh hati  
Kerana semalam kisah sayu memamah diri  
Dalam kehitaman sejarah bumi ini  
Matinya pahlawan kerana pertahan di dada pertiwi  
Dengan peluru dan darah  
Dengan keringat yang tumpah*

*Pahlawan*

*Matimu mati melingkar sejarah  
Matimu hanya mati pada jasad  
Dan matimu hanya mati dari jagat*

*Pahlawan*

*Ketahuilah kamu bahawa kematianmu  
Cuma dikenang dalam doa dan restu  
Cuma diukir nama pada sebuah tugu  
Dan cuma semusim sekali dibawa berlagu  
Doakan mereka kurniaan keramat dan jihad  
Dan biarkan ia dikenang dengan tekad  
Bahawa kami menyambung wasiat  
Bisa ada warisan  
Dalam darah  
Dalam sejarah*

*Pahlawan*

*Kami anak-anak menggugat zaman  
Bukannya lumrah dengan tekad dan sumpah  
Tapi  
Akan mengukir sejarah  
Seperti juga  
Demi ibu  
Tanah bertuah kurela menitis darah*

*Pahlawan*

*Hari ini harimu dalam kenangan  
Kerana jasa bakti yang terbilang  
Kami kenangi dalam sedu dan sumpah hulubalang*

*Pahlawan*

*Semadilah dikau  
Dengan bunga-bunga dikalungan  
Lambang kenangan  
Dan  
Itulah kurnia yang agung kami  
Sembahkan  
Kerana bintang-bintang kebesaran  
Sudah tidak bererti padamu  
Pahlawan  
Semadi dan semadilah  
Hingga harimu ke mari lagi*

Itulah sajak "Pahlawan" yang telah menjangkau usia 39 tahun dan akan diperdengarkan pada setiap kali Sambutan Hari Pahlawan diadakan. Pada sambutan pada 31 Julai 2010 yang lalu, sajak ini sekali lagi diperdengarkan oleh Mejar Mohamad bin Awang (Bersara) yang juga merupakan pencipta sajak tersebut.

Tahun 2010 melakar sejarah yang tersendiri apabila untuk pertama kalinya Sambutan Hari Pahlawan diadakan di Dataran Merdeka, dan bukannya di Tugu Negara seperti kelazimannya. Jika sebelum ini, sambutan Hari Pahlawan diadakan di Tugu Negara dengan acara kalungan bunga, maka perubahan tempat ini turut memperlihatkan beberapa format yang berbeza. Sambutan Hari Pahlawan adalah merupakan salah satu istiadat rasmi negara bagi memperingati jasa dan pengorbanan para pahlawan yang telah terkorban mempertahankan kedaulatan negara.

Perbarisan sambutan Hari Pahlawan disertai oleh 6 kontijen yang disertai oleh Kontijen Tentera Darat Malaysia, Tentera Laut Diraja Malaysia, Tentera Udara Diraja Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan tidak ketinggalan dari Kontijen Persatuan Bekas Tentera Malaysia dan Persatuan Bekas Polis Malaysia. Perbarisan diketuai oleh Lt Kol Tengku Mohd Fauzi Bin Tengku Ibrahim Dari Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja. Perbarisan turut diiringi oleh pancaragam Pusat Rejimen Askar Melayu Diraja dan Pancaragam Pusat Polis Diraja Malaysia.

Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin telah berkenan mencemar duli bagi menghadiri perbarisan ini. Perbarisan ini turut dihadiri Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Yassin, Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Pertahanan Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi selain Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Azizan Arrifin TUDM dan Mantan Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa bin Haji Hassan.

Sambutan pada kali ini turut memperlihatkan kelainan dengan wujudnya Pentomen Khas mengisahkan sejarah perjuangan dan pengorbanan Lt Adnan Saidi dan Rejimen Askar Melayu menentang penjajahan Jepun di Bukit Candu. Pentomen ini dilakonan oleh anggota dari 31 Rejimen Artileri Diraja dan dibantu oleh anggota dari Badan Kesenian Tentera Darat di bawah arahan Mej Abd Rais bin Esa dari Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Pertahanan. Pentomen yang begitu menyentuh perasaan ini diceritakan semula oleh PW 1 Azamin bin Itam dari Markas Tentera Laut.

Semoga sambutan yang penuh dengan istiadat kepahlawanan ini akan dapat melahirkan dan menyuburkan semangat patriotisme seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira kaum dan agama.





## *Apresiasi & Kemerdekaan*


Artikel : Mohd Yusrizal bin Abd Razak (IHEV ATM)  
Foto : Pbt Mohd Nazari b. Ramli

Isteri Perdana Menteri, Datin Paduka Seri Rosmah Mansor, selaku Penaung Rayuan Hari Pahlawan telah merasmikan Pelancaran Rayuan Hari Pahlawan 2010 (RHP 2010) di Angkasapuri, Kuala Lumpur pada 19 Julai 2010.

Pada majlis tersebut sebanyak 8 buah syarikat korporat telah menyampaikan sumbangan kepada Tabung Rayuan Hari Pahlawan iaitu Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) (RM1 juta), Kumpulan Sapura (RM1 juta), AIROD Sdn Bhd (RM1 juta), DRB-HICOM Technologies Sdn. Bhd. (DEFTECH) (RM1 juta), Pakaian Saling Erti Sdn. Bhd (RM1 juta), Zetro Engineering Sdn. Bhd (RM250,000), Affin Islamic Bank (RM160,000) dan Resort World Bhd. (RM100,000) dengan jumlah kutipan keseluruhan sebanyak RM5.5 juta.



# *Majlis Pelancaran Rayuan Hari Pahlawan 2010*





Mej-Jen Dato' Zulkiflee bin Mazlan juga muncul dalam program Malaysia Hari Ini di TV3 pada 23 Julai 2010. Temubual pada jam 7.40 pagi di kendalikan hos Wardina Safiyah yang turut menyumbangkan wang kutipan seluruh warga kerja TV3 sebanyak RM200.00 ke tabung tersebut.

Sempena Rayuan Hari Pahlawan 2010, Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) ATM, Mej Jen Dato' Zulkiflee bin Mazlan telah menerima jemputan sebagai tetamu dalam Program Dialog TV1 di Angkasapuri pada 21 Julai 2010. Program selama satu jam dari pukul 10 bertajuk "Rakyat Sejahtera, Jasa Pahlawan Dikenang".



# Wawancara Khas

# RHP 2010



Ketua Pengarah JHEV ATM juga ditemubual dalam program Breakfast Show terbitan NTV7 pada 27 Julai 2010. Temubual bermula pada jam 8.40 pagi dikendalikan oleh pengacara Daphne Iking dan Joanne De Rozario yang turut menyumbangkan sumbangan ke tabung tersebut.



Selain itu, Timbalan Ketua Pengarah JHEV ATM, Puan Siti Normah binti Abdul Aziz turut muncul sebagai tetamu dalam Program Fitrah Kasih terbitan RTM di TV1 pada 29 Julai 2010.



1. Penyampaian Cek Rayuan Hari Pahlawan 2010 oleh Dewan Perniagaan Bekas Tentera Malaysia pada 26 Julai 2010

Ketua Pengarah JHEV ATM, Mej Jen Dato' Zulkiflee bin Mazlan menerima Cek Rayuan Hari Pahlawan 2010 dari Dewan Perniagaan Bekas Tentera Malaysia sebanyak RM10,000 di JHEV, Menara TH Perdana, Kuala Lumpur.



# Penyampaian Cek Kepada Tabung Rayuan Hari Pahlawan 2010



2. Penyampaian Cek Rayuan Hari Pahlawan 2010 oleh Dewina Holdings Sdn Bhd, Target Resources Sdn Bhd dan Sri Tinggi Sdn Bhd pada 4 Ogos 2010

Cek Rayuan Hari Pahlawan 2010 juga diterima dari Dewina Holdings Sdn Bhd sebanyak RM50,000, Target Resources Sdn Bhd (RM50,000) dan Sri Tinggi Sdn Bhd (RM10,000) di Ibu Pejabat JHEV, Menara TH Perdana, Kuala Lumpur pada 4 Ogos 2010.

## *Apresiasi & Kemerdekaan*

Malaysia melakar sejarah tersendiri apabila kapal selam kedua negara, Kapal Diraja (KD) Abdul Razak selamat tiba di perairan Malaysia pada 30 Jun 2010. Sambutan yang meriah telah diadakan di TLDM pada 3 Julai 2010 yang menjadi lokasi persinggahan pertama sebelum meneruskan pelayarannya ke Pangkalan Kapal Selam, Teluk Sepanggar, Kota Kinabalu.

Majlis diserikan lagi dengan keberangkatan Sultan Perak, Sultan Azlan Shah. Turut hadir ialah Menteri Pertahanan, Dato' Seri Dr Ahmad Zahid bin Hamidi, Menteri Besar Perak, Dato' Dr. Zambry bin Abdul Kadir, Menteri Pengangkutan, Datuk Kong Cho Ha dan Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Azizan bin Ariffin TUDM.

Istimewanya pelayaran KD Tun Razak adalah perjalanan dari perairan Langkawi menuju ke Pangkalan TLDM telah disertai oleh Sultan Selangor, Sultan Sharifuddin Idris Shah Al-Haj, Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Dr. Abdul Latiff Ahmad dan Panglima Tentera Laut Laksamana Tan Sri Abdul Aziz Jaafar.

KD Tun Razak telah memulakan pelayaran pulang pada 30 April 2010 dari Toulon, Perancis. Pelayaran yang mengambil masa selama 64 hari telah singgah di empat pelabuhan bagi tujuan ulang bekal iaitu di Pelabuhan Iskandariah Mesir, Jeddah Arab Saudi, Salalah Oman dan Cochin India. KD Tun Razak dikendalikan oleh 32 orang pegawai dan anggota TLDM.



Artikel : Hirna Marni Saidan (Pelatih UUM)  
Foto : Megat Mohd Firdaus bin Megat Ahmad

# **KD TUN RAZAK**





Lima objektif utama kerajaan dengan penggunaan kapal selam negara, pertama adalah untuk meningkatkan sistem pertahanan negara yang bertindak mengawal tiga dimensi peperangan iaitu darat, laut dan udara. Kedua, memperkasakan dasar penerokaan laut dan "space management". Ketiga, pembangunan modal insan yang menjadi teras peningkatan sahsiah. Keempat mengembangkan industri tempatan serta memberi peluang kepada industri pertahanan dan maritim dalam bidang

akustik. Objektif kelima adalah meningkatkan kredibiliti negara untuk memmanifestasikan usaha dalam mencapai taraf negara membangun. KD Tun Razak yang dilengkapi dengan teknologi terkini Geo 4, faktor cegah lintang serta mampu menyelam sedalam 300 meter menjadi kelebihan dalam membantu aspek pertahanan negara. Secara tidak langsung kapal selam negara berkemampuan untuk mengawasi ancaman luar dan mampu menyekat jalur hubungan laut, logistik musuh.



*Aprisiasi & Kemerdekaan*

Artikel : Juliah a/p Bah Ngentap (Pelatih UiTM)  
Foto : LK STN (S) Roselly bin Ali

# TUDM berusia

Pada 1 Jun 2010, sambutan Hari Ulang Tahun Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) yang ke-52 telah disambut dengan meriah bertempat di Pangkalan Udara Kuala Lumpur. Majlis dimulakan dengan pemeriksaan perbarisan oleh Sultan Pahang Sultan Ahmad Shah merangkap Kolonel Kehormat TUDM yang diiringi oleh Panglima Tentera Udara Jeneral Tan Sri Dato' Seri Rodzali Daud. Baginda bertitah agar Tentera udara terus menjadikan modal insan asas dalam pengurusan organisasi sejajar dengan strategi "TUDM-Generasi akan datang". Pada majlis yang penuh bersejarah itu, baginda turut berkenan melancarkan logo "AIR FORCE-NEXT GENERATION" dan diserikan lagi dengan pertunjukan udara tiga buah pesawat SUKHOI (SU-30MKM). Turut hadir pada sambutan hari Tentera Udara Diraja Malaysia adalah Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah,

# 52 tahun



*Artikel & Foto: Siti Norazila bt-Suratman (Pelatih UMS)*

Tarikh 12 Jun 2010 telah menyaksikan seramai 1138 orang pegawai kadet palapes IPTA ditauliahkan di Universiti Sains Malaysia ( USM ). Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail dan Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Binti Dato' Khalil Akashah telah berkenan menyempurnakan Istiadat Perbarisan dan Pentauliahkan Diraja pegawai kadet palapes Institut Pengajian Tinggi Awam ( IPTA ) pada kali ini.


Mengimbu sejarah awal PALAPES ditubuhkan pada 17 Februari 1980 di empat institusi pengajian awam iaitu USM, UM, UKM, UPM dan UiTM. Namun sehingga kini sebanyak 14 universiti telah menubuhkan PALAPES yang terdiri daripada PALAPES Darat, Udara dan Laut, malahan dijangka menjelang tahun 2011 semua IPTA akan mempunyai pasukan kadet PALAPES. Objektif penubuhan PALAPES adalah untuk melatih pelajar-pelajar ( IPTA ) dalam ilmu ketenteraan bagi membina insan berdisiplin dan bersemangat waja. Di samping itu menyediakan sumber tenaga pegawai lepasan IPT untuk Angkatan Tetap dan Angkatan Simpanan, secara tidak langsung PALAPES

membentuk warganegara yang terlatih dalam bidang ketenteraan bagi mengukuhkan pertahanan negara. Ternyata wawasan utama adalah untuk meningkatkan tahap kejurulatihan untuk melatih dan menyediakan Pegawai Kadet yang berdisiplin, bersemangat waja dan terlatih dalam bidang ketenteraan daripada IPTA.

Pada majlis tauliah kali ini, jumlah pegawai kadet darat ialah seramai 852 orang, pegawai kadet laut 198 orang dan pegawai kadet udara 88 orang. Daripada 1138 orang anggota kadet, 42 orang telah terpilih menjadi kadet terbaik mewakili 14 universiti yang terlibat. Menteri Pertahanan dalam satu kenyataan berkata mulai 2011 pegawai kadet terbaik PALAPES akan ditawarkan ke jawatan tetap selain tempoh latihan juga akan dipendekkan. Mereka akan ditauliahkan dengan pangkat kapten, manakala bagi pasukan simpanan yang terus bergiat aktif akan dinaikkan ke pangkat leftenan. Pada masa kini kerajaan sedang merancang untuk bergerak seiring dengan perubahan bagi memastikan kepakaran bersesuaian dengan kecanggihan peralatan ketenteraan yang terkini.

*Istiadat Pentauliahkan Di Raja*

**PEGAWAI KADET  
PALAPES IPTA KE -29**





# *Renangan Bersama*

MANTAN KETUA SETIAUSAHA  
DATO' SRI ABU BAKAR  
BIN HAJI ABDULLAH

*Apresiasi & Kemerdekaan*

Artikel : Huwaina bte Wahab (Pelatih UUM)

Foto : LK STN (S) Roselly bin Alli

# A.P.C.

(Anugerah Perkhidmatan Cemerlang)

*Membudayakan Kualiti Kerja Yang Cemerlang*

8 Jun 2010 telah berlangsung penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bagi kakitangan Awam dan Angkatan Tentera Malaysia Kementerian Pertahanan bagi tahun 2009. Penyampaian anugerah telah disempurnakan oleh Menteri Pertahanan, Dato' Seri Dr Ahmad Zahid bin Hamidi di Dewan Seroja, Kementerian Pertahanan.

Peringkat pertama penganugerahan menyaksikan 20 orang pekerja kakitangan awam, 30

orang Anggota Tentera Malaysia menerima APC sementara 10 yang lain menerima Anugerah Perkhidmatan dan Pekerti Terbilang.

Turut hadir Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Dr Hj Abd Latiff bin Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Dato' Sri Abu Bakar bin Haji Abdullah, Panglima Angkatan Tentera, Jen Tan Sri Dato' Sri Azizan bin Ariffin TUDM, Panglima-Panglima Perkhidmatan, Pegawai-pegawai Angkatan Tentera dan Awam.



*Apresiasi & Kemerdekaan*

# Dimana Ada **KEMAHUAN** Di Situ Ada **JALAN**

*Artikel : Hirna Marni Saidan (Pelatih UUM)  
Foto : LK STN (S) Roselly bin Ali*

Cik Madianatul Arafah bt Ahmad Rosdi 30, telah membuktikan bahawa faktor fizikal bukan penghalang prestasi kerja, dan ini terbukti apabila beliau telah tersenarai sebagai penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Kementerian Pertahanan 2010. Penyampaian anugerah telah disempurnakan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Dato' Sri Abu Bakar bin Haji Abdullah. Berasal dari Kuantan, Pahang beliau merupakan anak bongsu dari tiga beradik dan telah berkhidmat sebagai Penolong Pegawai Tadbir di Jabatan Latihan Khidmat Negara ( JLKN ) sejak 2006.

Sewaktu zaman persekolahan, beliau aktif mewakili sekolah ke peringkat negeri dalam sukan

bola jaring, kawad, olahraga. Namun malang tidak berbau apabila beliau telah terjatuh sewaktu menjalani kursus orientasi ketenteraan di Kem Markas 21 Kumpulan Gerak Khas, Mersing. Kesan daripada kejadian itu menyebabkan beliau tidak mampu lagi untuk berdiri dan pergerakannya di bantu oleh tongkat. Namun semangat kental dalam melaksanakan tugas tidak menjadikan masalah kesihatan sebagai halangan, beliau tetap tabah berusaha untuk memberikan komitmen yang terbaik. Semangat juang inilah yang perlu diterapkan dalam diri setiap individu, seperti kata pepatah "di mana ada kemahuan, di situ ada jalan".



*Apresiasi & Kemerdekaan*

Artikel : Pauzan Abd Majid

Foto : Pbt Mohd Nazari b. Ramli

# Majlis Penyampaian Sumbangan HARI RAYA AIDILFITRI

Tahun 1431H/2010M oleh Para Penderma Kepada ATM

Menteri Pertahanan, Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi telah menyempurnakan Majlis Penyampaian Sumbangan Hari Raya Aidilfitri bagi Tahun 2010 kepada Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di Auditorium MinDef, Wisma Pertahanan pada 16 Ogos 2010.

Antara penyumbang terbesar pada majlis yang diadakan setiap tahun pada bulan Ramadhan itu ialah BAKTI, BAKAT, Sapura Group of Companies, National Aerospace Defence Industries Sdn Bhd, Affin Bank Berhad dan Pharmaniaga Berhad.

Turut hadir ialah Yang DiPertua BAKTI, Datin Paduka Seri Rosmah Mansor, Penaung PUSPANITA Kementerian Pertahanan, Datin Seri Hamidah Khamis, isteri kepada Menteri Pertahanan, Panglima ATM, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Azizan bin Ariffin TUDM, KSU Kementerian Pertahanan, Datuk Dr Haji Ismail bin Haji Ahmad, Panglima-Panglima Perkhidmatan serta warga tentera dan awam Kementerian Pertahanan. Sebanyak 51 sumbangan diterima dalam bentuk barangan dan kewangan di majlis tersebut.



# Pelancaran Wakaf Al-Quran Peringkat Kebangsaan

*Apresiasi & Kemerdikaan*



WAKAF AL-QUR'AN

Artikel : Mej Zahrullail bin Hidayat

Foto : Pbt Mohd Nazari bin Ramli

Kementerian Pertahanan telah diberi kepercayaan untuk mengelolakan Pelancaran Wakaf Al-Quran di Peringkat Kebangsaan yang telah berlangsung di Auditorium Masjid Putra, Putrajaya pada 11 Ogos 2010. Pelancaran diperingkat Kebangsaan telah di sempurnakan Dato' Seri Dr Ahmad Zahid bin Hamidi Menteri Pertahanan Malaysia mewakili YAB Perdana Menteri Malaysia. Menteri di Jabatan Perdana Menteri Mej Jen(B) Dato' Sri Jamil Khir Baharom bersama Jemaah Menteri dan pegawai-pegawai kanan awam dan tentera telah turut hadir. Majlis Pelancaran Wakaf Al-Quran kali ini membawakan tema "Al-Quran Sinar Sejagat" dengan Usahasama Yayasan Restu.

Dalam ucapan pelancaran, Y.B Menteri berkata segenap lapisan masyarakat Malaysia akan dapat menterjemahkan komitmen mereka dengan sama-sama menyumbang dana kewangan bagi menyemarakkan lagi aktiviti Ihya' Ramadhan. Dana kewangan ini akan digunakan bagi membantu masyarakat minoriti Islam seluruh dunia khususnya masyarakat Islam Kemboja dalam mendapatkan bekalan naskah Al-Quran dan tafsirannya ke dalam bahasa masing. Tambahnya lagi pada masa yang sama kita ingin menunjukkan kepada dunia Islam bahawa Malaysia adalah sebuah Negara yang sentiasa ke hadapan dalam menjayakan misi kemanusiaan dan kemasyarakatan.

MAJLIS PELANCARAN  
WAKAF AL-QUR'AN  
PERINGKAT KEBANGSAAN



*Apresiasi & Kemerdekaan*

# TAPPN

Artikel : Hirna Marni Saidan (Pelatih UUM)  
Foto : Pbt Mohd Nazari b. Ramli

## NILAI TANPA SEMPADAN

Pada 1 Jun 2010, telah berlangsung satu majlis penyerahan cek bantuan Tabung Amanah Perwira dan Pertahanan Negara (TAPPN) bertempat di Bilik Teratai, Wisma Pertahanan Kuala Lumpur. Majlis telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Dr. Haji Abd Latif bin Ahmad. Turut sama hadir pada majlis tersebut adalah Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Dato' Sri Abdul Aziz bin Haji Jaafar, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Dato' Haji Ismail bin Ibrahim dan juga pegawai-pegawai kanan awam dan tentera.

Tujuan utama penubuhan TAPPN adalah memberikan bantuan kepada waris anggota tentera yang telah meninggal dunia atau cedera dalam tugas dan bertugas dalam beberapa keadaan subversif, menjalani ujian dan latihan,

bencana alam, darurat, ancaman dari luar, mengawal ketenteraman awam, menegakkan undang-undang serta membanteras anasir jahat. Penyerahan cek kali ini telah melibatkan 7 orang waris kepada 5 orang anggota tentera yang telah terkorban ketika bertugas. Anggota-anggota yang telah terkorban ialah Allahyarham Mej Mohd Zulkefli bin Hassan (TUDM), Allahyarham Mej Mohd Roszaini bin Mohd Mustapa (TUDM), Allahyarham Pbt Mohd Safri bin Sazali, Allahyarham LKpl Mohd Rizal bin Mat Lajim dan Allahyarham LKpl Suhairi bin Shafar.

Sehingga kini jumlah kutipan dana untuk tabung TAPPN adalah sebanyak RM31 juta. Sumbangan sebegini diharapkan dapat menjadi tali penghubung di antara pihak waris dan Mindef agar berkekalan.



Artikel : Siti Norazilla bt Suratman - Penulis Ekstern  
Foto : PWII Mohd Syukri bin Malek

Apresiasi & Kemerdekaan

Expo Pendidikan, Inovasi, dan Kerjaya ATM yang berlangsung pada 27 Jun 2010 di Kompleks Sukan Raub, Pahang menerima sambutan di luar jangkaan daripada penduduk setempat.

Ekspo tersebut dianjurkan untuk mempromosikan peluang pendidikan dan kerjaya, serta teknologi dan inovasi pertahanan negara. Pameran tersebut melibatkan lebih kurang 15 buah organisasi di bawah Kementerian Pertahanan Malaysia (MinDef), antaranya Bahagian Perolehan, Maktab Tentera DiRaja, dan Jabatan Latihan Khidmat Negara manakala yang lainnya adalah pameran yang disertai oleh tiga cabang perkhidmatan ATM termasuk Bahagian Pasukan Simpanan.

Semestinya, penduduk di sekitar Raub tidak melepaskan peluang bagi mengikuti perkembangan kerjaya, teknologi, dan pendidikan ATM dalam pameran tersebut. Pameran dilihat berjaya mendekatkan MinDef dan ATM dengan masyarakat setempat kerana mereka bukan sahaja dapat melihat perkembangan pendidikan, teknologi, dan kerjaya ATM

Turut dilancarkan Kompeni Askar Wataniah (AW) oleh Timbalan Panglima Tentera Darat, Leftenan Jeneral Dato' Pahlawan Hj. Zulkifli b. Hj. Zainal Abidin. Penyertaan golongan belia dalam pasukan pertahanan barisan kedua ini sememangnya satu perjuangan yang murni dalam melaksanakan konsep HANRUH yang ditekankan oleh Kementerian Pertahanan. Sumbangan ini disifatkan sebagai satu tanggungjawab dalam menyediakan keperluan bagi menghadapi apa sahaja kemungkinan termasuk bencana alam, krisis tenaga, dan juga peperangan.



# "E.P.I.KU"

*Bukti MinDef Dekat Dengan Masyarakat*



*Aprisiasi & Kemerdekaan*

Majlis Penutup Seminar Bakti BAKAT ATM Siri 1/10 telah dirasmikan oleh Puan Sri Datin Sri Noorainee binti Abdul Rahim, Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT ATM pada 7 Mei 2010 di Hotel Seri Malaysia, Bagan Lalang, Sepang, Selangor. Seminar dihadiri 59 peserta terdiri daripada isteri anggota lain-lain pangkat bagi ketiga-tiga perkhidmatan dan telah dilaksanakan selama 3 hari 2 malam mulai 5 hingga 7 Mei 2010. Antara aktiviti yang

diadakan adalah ceramah berkaitan Organisasi BAKAT ATM, Garis Panduan Menangani Tekanan dalam Rumahtangga, Tips Keluarga Bahagia melalui Surah dalam Al-Quran dan Kemudahan yang disediakan oleh Tabung Kebajikan Angkatan Tentera. Selain daripada ceramah, aktiviti *team building* juga dilaksanakan bagi memupuk semangat kerjasama dikalangan peserta.



*Seminar*

Artikel & Foto : Lt Kdr Che Hanifah

# SEMAMAI BAKTI

MAJLIS PENUTUP


SEMINAR SEMAMAI BAKTI BAKAT ATM SIRI 01/10

PADA 5-7 MEI 2010

BERTEMPAT DI HOTEL SERI MALAYSIA BAGAN LALANG, SEPANG

Siri 1/10





*Apresiasi & Kemerdikaan*

# PALAPES

## “DINAMIK DAN BERDEDIKASI”

*Artikel : Mej Zahrullail bin Hidayat*

Majlis Perjumpaan Menteri Pertahanan, Dato' Seri Dr Ahmad Zahid bin Hamidi buat julung kalinya diadakan di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang pada 12 Jun 2010. Sebelum itu satu perbarisan Pentaullahan Diraja telah diadakan di Padang Kawad USM yang telah disempurnakan oleh DYMM Raja Muda Perlis. Dalam perjumpaan yang dihadiri seramai 1,200 para graduan PALAPES dari semua IPTA seluruh negara juga turut dihadiri Prof Emeritus Dato' Dr Zawawi Ismail, Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah Universiti, Panglima Angkatan Tentera Jen Tan Sri Dato' Sri Azizan Ariffin TUDM, Panglima - Panglima Perkhidmatan, Datuk Zulkifli Ariffin Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, Naib Canselor - Naib Canselor selaku Komandan PALAPES serta pegawai kanan ATM yang diselaraskan oleh Bahagian Pasukan Simpanan, ATM.

Dalam ucapannya YB Menteri meminta agar semua graduan PALAPES yang telah ditauliahkan supaya dapat merialisasikan hasrat asas penubuhan iaitu kesedaran dan kepercayaan bahawa IPTA dalam negara mempunyai potensi besar menyediakan sumber tenaga manusia yang berkelayakan akademik tinggi dan boleh memberi sumbangan besar terhadap keperluan pertahanan negara. Tambah beliau, kepercayaan bahawa kelulusan akademik pada mahasiswa-mahasiswi boleh dijadikan platform untuk berkhidmat sebagai pegawai simpanan ATM yang dinamik serta berdedikasi jika diberi bimbingan serta latihan lantas membentuk warganegara yang sempurna, berdisiplin dan mempunyai ciri-ciri ketahanan nasional.

*Apresiasi & Kemerdekaan*

Artikel : Pauzan Abd Majid

Foto : Kpl Mohd Zaidi bin Ahmad

## SESI RANGKAIAN KERJASAMA

**Suria**  
fm

*Muzik Terbaik Tanpa Henti*

Dalam usaha meningkatkan jaringan kerjasama dengan pihak media, Unit Komunikasi Korporat (UKK), Kementerian Pertahanan telah mengadakan lawatan kerja ke Sinar FM di Bangunan AmAssurance, Jalan Lumut dan Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA) di Wisma BERNAMA, Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur.

Program lawatan yang diketuai oleh Ketua Seksyen Perhubungan Media UKK, Mejar Hj. Suleiman Hj. Moideen Kutty turut disertai beberapa pegawai awam dan tentera UKK.

Lawatan bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan anggota mengenai tugas-tugas media di agensi berita termasuk media penyiaran serta media online, selain mendapatkan kerjasama dari pihak media yang berkaitan untuk hebahan serta publisiti program dan aktiviti Kementerian Pertahanan dan ATM.



*Apresiasi & Kemerdekaan*

*Artikel : Pauzan Abd Majid  
Foto : Kpl Shahrulhezar bin Azizan*

## BERSAMA AGENSI MEDIA



**BERNAMA**

Semasa di BERNAMA, pegawai UKK telah diberi taklimat oleh Timbalan Ketua Pengarang, Perkhidmatan Berita Dalam Negeri, Jabatan Pengarang BERNAMA, Encik Zulkefli Salleh mengenai peranan dan fungsi BERNAMA, selain perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihaknya. Rombongan kemudiannya dibawa melawat ke pejabat dan studio BERNAMA TV, pejabat dan studio BERNAMA Radio24 serta Bahagian Foto.

Di Suria FM, taklimat telah diberikan oleh Cik Nor Laili Mohamed, Pengurus Akaun dan Encik Subarma Mohtaruddin, Pengurus Operasi Suria FM. Taklimat antara lain merangkumi kategori pendengar Suria FM serta masa yang diluahkan oleh pendengar untuk mendengar saluran radio berkenaan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan oleh Suria FM. Pegawai dan kakitangan UKK kemudiannya dibawa melawat ke studio Suria FM ketika para DJ sedang menjalankan tugas.



## Apresiasi & Kemerdekaan

Artikel : Mej. Zahnullail bin Hidayat

Foto : Syaifulgani (Rejimen Semboyan Diraja)

Tanggal 22 Mei 1982 adalah merupakan tarikh keramat kepada pegawai-pegawai ATM khususnya Perwira pengambilan (Intake) 42. Pelbagai kenangan pahit dan manis telah di terokai dari zaman bujang hinggalah kini menjadi pemimpin di pasukan mahupun staf di formasi Tentera Darat selain sebagai pengusaha atau berusaha sendiri setelah tamat perkhidmatan awal. Majlis Reunion Intake 42 pegawai Angkatan Tentera Malaysia telah disambut dalam suasana meriah yang telah berlangsung di Perkarangan Wisma Perwira Rejimen Semboyan Diraja, Jalan Ampang, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Acara yang diatur melibatkan semua warga pengambilan yang dihadiri dari seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak telah menggamit seramai 200 pegawai termasuk keluarga. Majlis tersebut telah mencapai tujuannya tambahan pula dapat mempertemukan antara pegawai yang telah menamatkan perkhidmatan lebih awal bersama pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dalam ATM. Menurut Pengerusi Pengelola Majlis Reunion intake 42 (2009), Kol Mohktar Yasin, majlis sebegini akan menjadi jambatan siraturrahim yang kekal dengan penuh keakraban hingga ke anak cucu kelak antara warga Intake 42 samada masih dalam perkhidmatan mahupun dalam organisasi awam. Beliau juga memaklumkan bahawa majlis pada tahun ini bermotokan "Intake 42 Berpecah Tiada" yang membawa maksud keakraban sedia ada, dapat tetap kekal dan di perkukuhkan walau dimana jua namun akan bersua jua.

Mengungkap sejarah Intake 42, seramai 198 calon pegawai kadet yang telah lulus dalam Ujian Penilaian oleh panel pemilihan Pegawai Tauliah Jangka Pendek, Pengambilan Intake Ke-42 dan diarah melapor diri di Sekolah Pegawai Kadet, Port Dickson, Negeri Sembilan. Walaubagaimanapun hanya 170 sahaja yang hadir pada 1 Jun 1981 dan setelah melalui pemeriksaan kesihatan akhir, hanya 157 orang lulus untuk meneruskan latihan ketenteraan sebagai pegawai kadet.

Latihan pegawai kadet TJP 42 bermula pada 5 Ogos 1981 dan di pecahkan kepada 3 kumpulan batalion iaitu Batalion TUAH, JEBAT dan KASTURI. Batalion TUAH terletak di Kem Sebatang Karah sementara Batalion JEBAT dan Batalion KASTURI pula terletak di Kem Segenting, Port Dickson, Negeri Sembilan.

Pada 22 Mei 1982, seramai 140 pegawai kadet dari TJP 42 akhirnya telah berjaya dan menerima watak tauliah yang disampaikan oleh DYMM Almarhum Tuanku Jaafar, Yang Di Pertuan Negeri Sembilan bagi mewakili Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bertempat di Dewan Tan Sri Sani, Port Dickson, Negeri Sembilan. Seramai 122 pegawai kadet di tauliahkan ke dalam Tentera Darat Malaysia dan 8 orang kedalam Tentera Udara Diraja Malaysia.



# REUNION INTAKE- 42 BERPECAH TIADA


*Apresiasi & Kemerdekaan*

Artikel : Ee

Foto : Megat Mohd Firdaus bin Megat Ahmad

Tanggal 31 Ogos 2010 mencipta sejarahnya tersendiri dimana sambutan Kemerdekaan ke-53 diadakan di ruang tertutup di Stadium Bukit Jalil tanpa perarakan. Buat pertama kalinya juga sambutan Merdeka bertembung dengan Bulan Ramadhan. Meskipun tanpa perarakan, Hari Kemerdekaan menampilkan satu persembahan unik dan kreatif dalam menyampaikan mesej 1 Malaysia sebagai penjana kepada transformasi Negara.


Kehadiran kira-kira 15,000 orang bersama jalur Gemilang dikibarkan pada acara kemuncak sambutan dengan tema pada tahun ini '1 Malaysia Menjana Transformasi'. Acara dimulakan dengan kehadiran Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin dan Raja Permaisuri Agong, Tuanku Nur Zahirah dan mengiringi keberangkatan baginda berdua, Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak, Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Dato' Seri Dr Rais Yatim serta isteri masing-masing.




# MERDEKA

# MERDEKA

# MERDEKA!





Apresiasi & Kemerdekaan

Buku  
Latihan

Semangat patriotik mula menyelubungi seluruh stadium apabila kata keramat merdeka dilaungkan sebanyak tujuh kali diikuti dengan laungan "1 Malaysia Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan". Persembahan khas 1 Malaysia yang mengandungi lapan segmen

ditampilkan dalam bentuk penceritaan melalui elemen penataan cahaya, kumpulan koir, kumpulan bicara berirama, penggunaan laser di lantai serta pergerakan formasi unik dan kreatif kumpulan persembahan arena yang membentuk 1 Malaysia.

Persembahan dari kumpulan koir Universiti Lim Kok Wing, Institut Pendidikan Guru, artis kebudayaan dan peserta persembahan menyemarakkan suasana apabila kemerdekaan lagu patriotik dilaungkan. Walau apa pun cara sambutan atau pengisian kemerdekaan, kita

perlu bersyukur kepada pengorbanan orang lama dalam mempertahankan tanah air selain meningkatkan kualiti diri kearah membudayakan semangat 1 Malaysia ke tahap satu transformasi yang penuh gemilang...





# PATRIOT



(KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA)  
Jalan Padang Tembak, 50634 Kuala Lumpur.  
Tel: +603 2692 1333 / +603 2071 3990 Fax: +603 2691 1757